

20 NOV 1997

PENGUSAHA RESTORAN DAN KAKITANGAN AKADEMIK ITM SOKONG MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PPRMM) dan Kesatuan Kakitangan Akademik Institut Teknologi Mara (Mitasa) hari ini melahirkan sokongan penuh mereka kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setiausaha PPRMM, Kamrul Zaman Seeni Mohideen dalam satu kenyataan berkata banyak negara maju yang cemburu dengan kejayaan Malaysia di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

Oleh itu, wujud anasir-anasir tertentu dari luar yang cuba menjatuhkan dan melemahkan ekonomi negara melalui spekulasi pasaran saham dan matawang di negara ini, katanya.

PPRMM akan memastikan anggota-anggotanya mematuhi arahan kerajaan dalam mengawal kadar inflasi dan menyeru para peniaga tidak menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya, katanya.

Timbalan Presiden Mitasa, Dr Ahmad Suhaimi Abdul Rahim pula menyifatkan resolusi melulu 34 anggota Kongres Amerika Syarikat, menunjukkan kelemahan fahaman dan pelaksanaan demokrasi di negara mereka sendiri. -- BERNAMA

YBK RI